

BAB 4 : RUMUSAN DAN CADANGAN

4.0 PENDAHULUAN

Kelemahan pelajar-pelajar membaca Al-Quran merupakan permasalahan besar dalam pembelajaran bahasa Arab kerana ia berkait dengan ibadat utama yang menjadi tiang agama iaitu sembahyang. Tanpa bacaan yang betul sembahyang seseorang tidak akan sempurna . Pelajar-pelajar yang lemah tidak berminat lagi membaca Al-Quran menyebabkan hilang suatu penawar hati bagi mereka yang menjadi makanan rohani yang amat diperlukan. Kelemahan yang paling ketara ialah mereka tidak dapat membaca dengan lancar dan tidak fasih menyebut huruf-huruf dan perkataan ketika membacanya. Berdasarkan kajian yang dibuat kelemahan tersebut mempunyai hubungkait yang rapat dengan beberapa faktor dan masalah yang dihadapi oleh pelajar.

4.1 RUMUSAN

4.1.1 Hubungan Antara Kesalahan Yang Dilakukan Oleh Pelajar Dengan Masalah Yang Dihadapi

Daripada perhatian yang dibuat terhadap bacaan pelajar melalui rakaman yang dimainkan didapati punca kelemahan membaca Al-Quran adalah kerana kurang latihan diri sendiri. Ini jelas apabila jadual 11 menunjukkan 53.4% pelajar berada di tahap AMAT LEMAH ketika membaca Surah *Al-Kahfi* dan yang mereka akui sendiri jarang-jarang membacanya. Sebaliknya pencapaian mereka iaitu 10.3% sahaja di tahap

AMAT LEMAH LEBIIH BAIK KETIKA MEMBACA Surah *Al-Baiyyah* yang lebih kerap dibaca berbanding dengan Surah *Al-Kahf*. Peratus tertinggi adalah pada tahap sederhana iaitu 31.7% dan tahap BAIK 26.7%. Hakikat ini disokong oleh dapatan soal selidik pelajar yang mana sebahagian (72%) daripada mereka menyatakan bahawa mereka hanya membaca Al-Quran sekali tamat sahaja dalam setahun. Ketidaklancaran pelajar membaca Al-Quran menjadi punca utama mereka *mewaqafkan* di tempat yang salah. Mereka terpaksa berhenti di mana sahaja mereka tersangkut. Jadual 14 menunjukkan kekerapan dan peratusan kesalahan menentukan tempat *waqaf* mengiringi kekerapan dan peratusan kesalahan tersangkut iaitu 1620 kali atau 14.9%. Perkaitan antara kelancaran dan kesalahan *waqaf* lebih jelas lagi. Jika dibandingkan antara kedua-dua kesalahan tersebut dalam jadual 15 dan 16. Kekerapan tersangkut dan peratus kesalahan *waqaf* dalam Surah *Al-Kahf* yang ditunjukkan dalam jadual 15 lebih tinggi daripada kesalahan yang sama dalam Surah *Al-Baiyyinah* ini menunjukkan bahawa lebih kerap tersangkut lebih banyak *waqaf*.

Oleh kerana mereka mewakafkan bacaan di tempat yang tidak menentu menyebabkan sukar lagi mereka untuk memulakan semula bacaan dengan *ibtida'* yang betul. Kebanyakkannya mereka meneruskan bacaan dengan perkataan berikut tanpa memperdulikan sama ada ianya berkait dengan perkataan yang sebelumnya atau tidak. Oleh kerana kedua-dua mempunyai hubungan yang rapat, maka kita dapat kekerapan dan peratus kesalahan *ibtida'* hampir sama dengan kesalahan melakukan *waqaf* seperti mana yang ditunjukkan dalam jadual 16 dan jadual 17 di

mana kesalahan melakukan *waqaf* sebanyak 1620 kali (14.9%). Manakala kesalahan *ibtida'* sebanyak 1622 kali (14.9%) .

Kadang-kadang pelajar memulakan bacaan setelah *mewaqafkannya* dengan huruf akhir atau suukata akhir yang tidak mendatangkan makna. Masalah ini berlaku kerana mereka tidak tahu atau tidak memerhati makna teks yang dibaca. Hakikat ini diakui sendiri oleh mereka ketika dikemukakan soalan “Adakan anda memahami makna ayat-ayat yang anda dibaca”. Semua 120 orang pelajar menyatakan “tidak”.

Oleh yang demikian, seseorang yang tidak memahami makna apa yang dibaca tidak mungkin dapat *mewaqafkan* bacaan mereka di tempat yang betul, khususnya ketika terdesak. Kejahilan tentang makna juga menghalang mereka memulakan bacaan (setelah berhenti) dengan *ibtida'* yang betul. Dengan lain perkataan dapatlah dikatakan bahawa memahami makna yang terkandung dalam ayat ayat yang dibaca adalah menjadi salah satu syarat bagi seseorang untuk membaca Al-Quran dengan baik.

Sepertimana yang diketahui umum bahawa mempelajari bahasa adalah membentuk tabiat. Untuk membentuk tabiat memerlukan latihan yang berulang kali dan berterusan. Latihan yang tidak mencukupi menyebabkan pelajar tidak dapat membaca dengan *tajwid* yang betul. Kadang-kadang yang panjang atau *mad* dibaca dengan pendek (*Qasr*) dan yang pendek dibaca panjang. Mereka juga tidak dapat jaga panjang pendek madnya. Sedangkan bila ditanya hukum dan kadar panjang yang sepatutnya, mereka dapat memberi jawapan yang betul. Sebahagian daripada mereka tidak konsistant dengan kadar panjang yang dibaca. Contohnya *Mad Jaiz* dibaca dengan dua *harakah* di satu-satu tempat,

manakala di tempat yang lain mad yang sama dibaca dengan tiga atau empat *harakah*.

Kegagalan pelajar-pelajar menjaga *ghunnah*, menyatakan *izhar* dan melaksanakan idgham membuktikan mereka belum berjaya membina tabiat yang betul. Kelemahan mereka lebih jelas bila didapati ramai di kalangan mereka bertukar sebutan semasa membaca. Mereka bertukar baris, bertukar huruf malah kadang-kadang bertukar perkataan. Ini menunjukkan kelemahan mereka yang sangat nyata. Bukan setakat itu, malah sebahagian daripada mereka didapati membaca dalam keadaan tidak menentu, sehingga ramai juga yang terlanjur menambah dan mengurangkan perkataan atau huruf tanpa disedari.

Selain daripada masalah diatas, pelajar juga menghadapi masalah sebutan terutama huruf-huruf yang tidak sama bunyinya dengan bunyi-bunyi huruf dalam bahasa Melayu seperti huruf-huruf غ، ع، ظ، ط، ف، ص، ش، خ، ح، ث.

Seramai 12 daripada 20 orang atau 60% menyatakan sukar untuk menyebut huruf-huruf tertentu dengan *makhraj* yang betul, seperti; ح، ض، ع، ظ، ص، ش، خ، ت، ف، ق، و sebagainya. Kelemahan dalam aspek ini dapat dilihat dalam jadual sembilan belas (19). Sebilangan pelajar juga tidak menyempurnakan sifat-sifat tertentu bagi huruf-huruf seperti; ن، خ، ت، ف، ق، ع، ح، ض، ص، ش، ظ، ط، غ. Kelemahan dapat dilihat dalam jadual lapan belas (18).

Walaupun soal selidik mendapati sebahagian besar iaitu 84% daripada mereka berusaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi, tetapi dengan hanya dengan membaca sekali tamat sahaja dalam setahun tidak mencukupi untuk membaiki kelemahan mereka. Jauh

membentuk tabiat yang betul. Mereka tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah yang dihadapi sehingga surah-surah pendek pun, mereka tidak cuba menghafaznya sekalipun mendapat galakan dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu yang menyediakan saguhati yang berupa wang ringgit bagi pelajar yang menghafaz surah-surah tertentu. Seramai 16 daripada 20 orang menyatakan mereka tidak pernah menyertai ujian hafazan yang dianjurkan oleh **JEHAT**.

Usaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi bukan sahaja tidak mencukupi, tetapi juga tidak melalui jalan yang betul. Mereka tidak menerima secara *talaqqi* dari guru-guru yang mahir. Lapan puluh lapan peratus (88%) daripada mereka bergantung pada usaha sendiri tanpa bimbingan guru, sedangkan untuk menentukan salah atau betul sesuatu sebutan memerlukan orang yang mahir serta tahu nilainya dan seterusnya dapat membetulkan sebutan mereka yang salah. Kajian juga mendapati mereka tidak menumpukan usaha mereka kepada surah-surah atau ayat-ayat tertentu dengan lancar. Mereka berpindah dari satu surah ke surah sekalipun belum dapat membacanya dengan baik. Cara ini tidak memberi kesan yang baik kepada mereka, lebih-lebih lagi mereka yang tidak berusaha bersungguh-bersungguh.

4.1.2 Hubungan Antara Kesalahan Yang Dilakukan Oleh Pelajar Dengan Cara Pengajaran Guru

Peranan guru adalah sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kebolehan dan kewibawaan mereka

merupakan faktor utama bagi kejayaan sesuatu pengajaran. Berdasar soal selidik yang dilakukan didapati semua guru yang terlibat mengajar Al-Quran di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu adalah guru terlatih; 7 orang berijazah, 1 orang lulusan diploma dan 2 orang lepasan maktab perguruan. Walaubagaimanapun hanya seorang sahaja daripada mereka yang pengkhususannya dalam Pengajian Al-Quran. Manakala 7 yang lain pengkhususan mereka dalam Pendidikan Islam dan 2 orang dalam bidang Bahasa Arab dan Tamadun Islam.

Mereka tidak pernah didedahkan dengan kursus khas mengenai kaedah pengajaran Al-Quran. Lima orang mereka yang pernah mengikuti kursus, menyatakan bahawa mereka didedahkan dengan aspek-aspek yang berkaitan dengan hukum-hukum *tajwid*, *qiraat* dan *tarannum* (lagu), bukan mengenai kaedah mengajar Al-Quran. Dari kenyataan ini, sudah tentu mereka mengajar mengikut cara dan kaedah mereka sendiri. Akibatnya pelbagai aspek kemahiran yang sepatutnya diberi perhatian terabai.

Oleh kerana sebahagian besar daripada mereka bukan pengkhusus dalam pengajian Al-Quran, maka didapati ramai yang tidak dapat membaca Al-Quran dengan baik. Ini diperhatikan ketika mereka mengimamkan sembahyang *Magrib* dan *Isya'*. Mengikut ujian kebolehan yang dilakukan oleh pihak kementerian terhadap guru-guru yang mengajar Al-Quran, hanya 2 peratus sahaja yang lulus ujian. Jadi, kalau guru sendiri tidak betul, bagaimana untuk mengharapkan murid dapat membaca dengan baik.

4.1.3 Hubungan antara kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dengan masa yang diperuntukkan

Sesuatu yang diketahui umum bahawa Al-Quran tidak diajar sebagai satu mata pelajaran peringkat menengah rendah. Ia hanya diajar sebagai sebahagian daripada mata pelajaran Pendidikan Islam. Masa yang diperuntukkan kepadanya hanya sekali seminggu (Rancangan Mata Pelajaran Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Terengganu)

Masa 40 minit seminggu untuk 35 hingga 40 orang pelajar dalam satu kelas sudah pasti tidak dapat berbuat apa-apa secara berkesan sekalipun oleh guru yang mahir. Hakikat ini diakui sendiri oleh 10 orang guru yang ditemubual di mana mereka menyatakan tidak cukup masa. Keadaan menjadi lebih rumit kerana sebahagian besar pelajar yang masuk ke sekolah menengah belum boleh membaca Al-Quran. Oleh itu, tanggungjawab mengajar membaca terpaksa dipikul oleh guru-guru di sekolah menengah, sedangkan tugas mereka adalah untuk mengajar tafsir Al-Quran. Adapun bacaan di sekolah menengah hanya untuk pengukuhan sahaja

Sepatutnya mereka telah dapat membaca dengan lancar setelah belajar sekurang-kurangnya enam tahun. Tanggungjawab di sekolah menengah adalah lebih kepada memberi kefahaman tafsir dan hafaz di samping memperbaiki beberapa kelemahan yang belum dapat diatasi sepenuhnya di peringkat sekolah rendah seperti membetulkan sifat huruf dan sifatnya. Sebenarnya peringkat ini bukan lagi masa untuk belajar membaca. Seperti mana masalah yang dihadapi di sekolah menengah,

masa yang diperuntukkan di sekolah rendah juga tidak mencukupi. Dengan masa yang amat terhad di sekolah rendah tidak mungkin pelajar dapat membaca Al-Quran tanpa pengajian di luar bilik darjah. Sebab itu ibubapa terpaksa mengajar sendiri atau menghantar anak-anak mereka kepada guru-guru Al-Quran yang mengajar di kampung-kampung. Walau bagaimanapun, masalah terus menghimpit mereka. Kebanyakan waktu penting dihabiskan untuk kegiatan kokurikulum, manakala waktu malam dipenuhi dengan kelas tuisyen atau sibuk dengan kerja rumah yang mesti diselesaikan. Pengajaran Al-Quran terus terabai sekalipun hasrat ibubapa begitu tinggi.

4.1.4 Hubungan Antara Kesalahan Pelajar Dengan Kemudahan Asas

Oleh kerana pembelajaran Al-Quran banyak bergantung kepada kegiatan ibubapa dan masyarakat lebih daripada yang diajar di sekolah, maka pengkaji turut meneliti dan membuat pemerhatian di pusat-pusat pengajian mereka untuk menilai permasalahan yang dihadapi oleh guru dan pelajar.

Ternyata banyak kekurangan yang perlu diberi perhatian terutama dari segi tempat dan kemudahan asas. Rata-rata mereka belajar di serambi rumah guru yang mengajar mereka. Tidak ada kemudahan asas seperti meja, kerusi, papan hitam dan sebagainya. Guru-guru mengajar masih menggunakan pendekatan yang yang tidak diubah suaikan dengan perkembangan semasa. Kegiatan pembelajaran dan pengajaran tidak langsung memberi perhatian kepada latihan menulis sedangkan Al-Quran sendiri mengatakan perlunya kegiatan tersebut. (Al-Alaq: 4)

4.2 CADANGAN

4.2.1 Pengajian Al-Quran Peringkat Pra Sekolah

Berdasarkan realiti yang ada dalam masyarakat Malaysia hari ini usaha untuk mengatasi masalah kelemahan palajar membaca Al-Quran tidak sesuai dilakukan di sekolah menengah kerana tumpuan pengajaran diberi kepada kefahaman dan hafazan ayat-ayat tertentu. Walau bagaimanapun untuk dipertanggungjawabkan seratu-peratus kepada sekolah rendah bagi mengatasi masalah ini juga tidak relevan kerana banyak lagi pelajaran lain yang mesti diajar. Oleh yang demikian pengkaji mencadangkan supaya usaha mengatasinya dilakukan di peringkat yang lebih awal, iaitu sebelum mereka masuk ke sekolah rendah. Ketika itu ruang masa lebih selesa dan pemikiran mereka masih belum terisi dengan maklumat-maklumat lain dan daya ingat mereka lebih kuat dan cerdas. Sabda Rasulullah maksudnya, “*Belajar dimasa kecil seperti menykir di atas batu*” (Diriwayatkan oleh Tarmizi dan Baihaqi) Baginda menyuruh mengajar Al-Quran kepada kanak-kanak sejak kecil lagi. Sabda Baginda yang bermaksud “*Didiklah anak kamu dengan tiga perkara iaitu kasih kepada rasulullah kasih kepada keluarganya dan mengajar mnembaca Al- Quran,*” (diriwayatkan oleh Tibrani dari Ali R.A). Ibn Khaldun mengatakan pengajaran Al-Quran asas kepada semua pengajaran lain kerana ia merupakan syair agama yang membawa kepada keteguhan aqidah dan kekuatan iman. (Abdullah Al-Nasih Ulwan, 1976:160) Oleh itu Al-Quran perlu diajar kepada kanak-kanak pada awal lagi (Iman Al-Ghazali 1058) Kanak-kanak yang berumur lima tahun adalah amat sesuai diajar Al-Quran kerana mereka telah mumayyiz iaitu dapat membezakan

antara baik dengan yang buruk. Satu ketika dalam sejarah awal Islam seorang wanita solehah ketika menjawab pertanyaan Al-Mufdhil bin Zaid tentang anaknya yang dikaguminya, berkata ; “Semasa umurnya genap lima tahun saya menghantarnya kepada guru yang mengajarnya membaca dan menghafaz Al-Quran” Kanak-kanak di peringkat ini telah bersedia untuk dihantar ke kelas pra sekolah. Di peringkat ini mereka ingin meneroka dan mencuba sesuatu yang baru serta mencabar. Keinginan dan inisiatif mereka amat penting dalam lingkungan umur tiga hingga enam tahun.(Ee Ah Meng. 1995:43). Bagi mereka sudah tentu Al-Quran merupakan suatu yang baru dan mencabar. Dengan dorongan dan tunjuk ajar yang baik mereka akan meneroka dan cuba menguasai sebutan hingga dapat membacanya sendiri.. Mereka akan sedar dan yakin bahawa mereka boleh dan Al-Quran bukan suatu yang susah tetapi mudah, indah dan berfaedah seperti firman Allah S.A.W. yang bermaksud (Sesunggunhnya kami permudahkan Al-Quran untuk dihafaz, difaham dan diambil pengajaran. Mohamad Ali Al Sabuni, 1981). Dari situ akan lahir pula dalam diri mereka inisiatif untuk mengetahui dan memahami Al-Quran dan menghafaznya. Oleh itu disarankan supaya bahasa Arab diajar seiring dengan pengajian Al-Quran supaya pelajar-pelajar diasuh memahaminya . Ibnu Sina dalam Kitabussiasah *(كتاب العيادة)* menasihatkan agar memulakan pengajaran Al-Quran di peringkat kanak-kanak lagi. Untuk itu perlu kepada persiapan mental dan fizikal, kerana pada masa yang sama mereka akan belajar huruf-huruf *hijaiyyah*, membaca, menulis dan asas-asas agama.(Dalam Abdulah Al-Nasih Ulwan.1996:269). Adalah penting bagi pelajar memahami Al-Quran

ketika mereka mempelajarinya. Memahami makna merupakan asas kepada pembelajaran, kerana ia merupakan faktor penting untuk mengingati dan menguasai apa yang dipelajari.. (Hasan Syahatah, 1994:126) . Cadangan ini sekiranya dilaksanakan dapat membantu pelajar mencapai matalamat pendidikan Islam sekolah menengah yang mahukan pelajar-pelajar memahami ayat-ayat tertentu serta menghafaznya (Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam) Sekiranya inisiatif pelajar tidak digalakkan, di peringkat ini, perkembangan mereka mungkin terjejas (Pigeat dalam Ee Ah Meng , 1995: 43) menyebabkan mereka tidak minat lagi belajar sesuatu yang mencabar seperti Al-Quran.

Oleh itu dicadangkan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab, menyediakan pendidikan pra-sekolah agar memberi tumpuan kepada pengajian Al-Quran dan bahasa Arab. Di samping tidak mengabai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M). Al-Quran merupakan sumber kepada bahasa Arab. Pelajaran Al-Quran hendaklah dijadikan asas kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab supaya pelajar-pelajar dapat menguasainya melalui Al-Quran. Dengan cara ini bererti belajar Al-Quran sekaligus mempelajari bahasa Arab. Untuk merealisasikan cadangan ini pengkaji mengesyorkan dua jam yang pertama diperuntukkan bagi mengajar Al-Quran setiap hari. Manakala bakinya digunakan untuk mengajar fardhu ‘Ain, bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan matematik. Kelas ini dicadangkan selama dua tahun , ia itu bermula dengan kanak-kanak yang berumur

5 tahun. Bagi melicinkan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran, dicadangkan pengajian dibahagi kan kepada dua peringkat iaitu;

- ii. Peringkat pengenalan
- iii. Peringkat membaca dan memahami.

Di peringkat pengenalan dicadangkan para pelajar belajar selama satu tahun iaitu bagi mereka berumur lima tahun. Di peringkat ini mereka diperkenalkan dengan huruf-huruf Al-Quran, mula dengan yang tidak bersambung kemudian yang bersambung seterusnya tanda-tanda baca yang terdapat dalam Al-Quran. Serentak dengan itu mereka dilatih menyebut dan menulis dengan betul.

Setelah pelajar-pelajar mengenali huruf-huruf Al-Quran , mereka hendaklah diajar perkataan-perkataan dan diikuti dengan ayat - ayat; Bermula dari yang senang hingga yang susah. Dari ayat-ayat yang pendek kepada yang lebih panjang. Di sini guru hendaklah mempastikan pelajar-pelajar dapat menyebut huruf-huruf dengan makhray yang betul dan menyempurnakan sifat-sifat huruf seperti *ikhfa'*, *idgham*, *ghunnah*, *izhar*, *mad* dan sebagainya.

Untuk melaksanakan cadangan ini, perlu disusun buku yang khusus untuk dijadikan teks pengajaran .

Setelah tamat peringkat pengenalan ini barulah dimasukkan ke peringkat kedua, iaitu belajar membaca *mashaf*. Pengkaji mencadangkan supaya guru-guru dan pelajar di peringkat ini menggunakan *mashaf Othmani*. Guru hendaklah menggunakan *mashaf* yang sama. Di peringkat kedua ini guru perlu mengikuti

langkah yang sejajar dengan matlamat yang hendak yang dicapai. Guru memperdengarkan bacaan contoh, menjelaskan makna ayat, mendengar bacaan pelajar untuk membetulkan bacaan mereka dan meminta pelajar melatih sendiri untuk dinilai pada hari berikutnya. Manakala kaedah mendengar, melihat, menulis, membaca dan menghafaz hendaklah digunakan supaya memperolehi kemahiran-kemahiran yang diperlukan. Adalah diyakini dalam masa dua tahun pelajar-pelajar dapat mengenalpasti huruf-huruf Al-Quran dan mampu membacanya sendiri.

4.2.2 Pengajian Al-Quran sekolah rendah dan menengah

Seperti mana yang ditegaskan, bahawa pendidikan adalah suatu usaha yang berterusan (Falasafah Pendidikan Negara). Pencapaian yang diperolehi di peringkat Pra sekolah, walaupun bagaimana baik sekalipun, tidak mencukupi tanpa disusuli di peringkat sekolah rendah, kemudian menengah dan seterusnya ke universiti. Apa yang diperolehi di peringkat pra sekolah hanya sebagai asas. Ia perlu diperkuatkan di sekolah rendah. Di sini guru berpeluang memperbaiki kelemahan yang masih ada dan melatih pelajar sehingga mencapai ketahap lebih baik.

Sesuai dengan kitab suci yang menjadi panduan kepada setiap muslim dan sejajar dengan peranannya yang besar serta kesannya yang mendalam sebagai penawar hati dan pengubat jiwa, maka dicadangkan sekurang-kurangnya lima masa diperuntukkan bagi mengajar Al-Quran di sekolah rendah dan menengah. Masa

yang paling sesuai ialah waktu pertama setiap hari kerana di samping belajar diharapkan mendapat rahmat dan berkat daripada Allah. Sabda Rasulullah yang bermaksud : “ *Berkat itu adalah berada diwaktu pagi* ”.

4.2.3 Pengajaran Al-Quran di Maktab dan di Universiti.

Salah satu matlamat pengajaran Al-Quran yang terkandung dalam sukatan mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah adalah untuk memberi kemahiran kepada setiap pelajar muslim supaya mereka dapat membaca dan beramal dengan ajarannya (huraian sukatan Pendidikan Islam Tingkatan Tiga). Ini selaras dengan kehendak Islam yang mewajibkan setiap penganutnya belajar Al-Quran bermula dari membaca sehingga dapat memahami dan beramal dengannya. (Al-Baqarah: 151), dengan matlamat yang murni ini sekiranya dilaksanakan dengan baik dan berkesan akan melahirkan generasi muslim yang mahir membaca Al-Quran Sekalipun mereka bukan guru agama.. Apabila semua kemahiran ini dimiliki setiap guru muslim, ketika itu mereka boleh membantu guru agama yang bilangan mereka adalah terhad untuk mengendalikan pengajaran Al-Quran seperti cadangan di atas, iaitu dilaksanakan serentak di waktu pertama. Untuk memastikan cadangan ini dapat dilaksanakan di sekolah, dicadangkan kepada pihak kementerian pendidikan supaya pelajar membaca Al-Quran dijadikan sebahagian daripada mata pelajaran pendidikan Islam di maktab dan universiti dan di uji bacaannya serta lulus bagi semua pelajar muslim.

Kemahiran membaca Al-Quran akan kekal pada seseorang muslim selama mana beliau terus membacanya dari masa ke semasa. Sebaliknya ia akan hilang dengan cepat bila amalan tersebut ditinggalkan.

4.2.4 Peranan guru dalam usaha mengatasai masalah kelemahan membaca Al-Quran

Untuk mempastikan kejayaan pelajar, guru-guru Al-Quran hendaklah terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan yang cukup. Tidak cukup dengan hanya mengetahui hukum-hukum *Tajwid* secara teori tetapi mestilah mahir membacanya dengan makhraj yang betul serta menjaga sifat-sifatnya dengan sempurna. Mereka juga mesti tahu bahasa Arab dan faham setiap apa yang dibaca dan diajar kepada murid serta tahu sejarahnya. Tanpa mengetahui makna dan maksud, tidak mungkin mereka dapat membaca dengan betul. Ketika membaca Al-Quran, nada hendaklah sesuai dengan makna dan mesej yang hendak disampaikan seperti mana yang telah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. Bila dibaca ayat mengenai rahmat, mereka memohon rahmat daripada Allah, apabila membaca mengenai azab, mereka memohon perlindungan daripada Allah dan bila membaca ayat mengenai *tashih*, mereka terus membaca *tashih* kepada Allah. (Mohamad 'Isam:1995).

Dalam keadaan yang tertentu bacaan terpaksa diwaqafkan bukan pada tempat yang ditentukan mengikut tanda-tanda waqaf yang telah ditetapkan, seperti disebabkan kekurangan nafas dan sebagainya. Mereka yang tidak tahu makna, akan mewaqafkan bacaan sesuka hati mereka sekalipun boleh merosakkan makna yang hendak disampaikan.

Mereka juga sering melakukan kesalahan *ibtida'* ketika meneruskan bacaan mereka. Guru yang tidak faham kandungan Al-Quran sudah pasti tidak dapat menarik minat pelajar kerana tidak dapat menerangkan kepada mereka sesuatu yang menarik dan berfaedah. Pengajaran mereka akan menjadi kaku menyebabkan pelajar-pelajar menjadi jemu dan malas.

Sepertimana mengajar matapelajaran yang lain, guru-guru Al-Quran perlu mendapat latihan yang berkaitan dengan cara dan kaedah mengajar Al-Quran. Mereka perlu didedahkan dengan teori-teori pembelajaran dan pengajaran supaya dapat dijadikan panduan ketika berinteraksi dengan pelajar. Oleh kerana mereka juga perlu bertindak sebagai guru bahasa maka latihan khusus perlu diberi di samping latihan umum untuk manjadi seorang guru (Lado:1980; Dalam Radhiah : 1995). Lebih khusus lagi kepada guru-guru Al-Quran perlu didedahkan dengan kaedah pengajaran Al-Quran secara khusus.

Para guru, khususnya guru-guru Al-Quran hendak menjadikan diri mereka sebagai contoh dan ikutan yang baik. Mereka mestilah menghiasi diri mereka dengan sifat-sifat kasih sayang, lemah lembut, amanah dan ikhlas (Imam Al-Ghazali, Jilid 1: 49) Mereka perlu sabar di atas kelemahan pelajar sifat kasihan belas perlu ditunjukkan kepada mereka, tetapi dalam waktu yang sama guru mesti besikap tegas terhadap pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan dengan sengaja.

4.2.5 Penubuhan Kelab Al-Quran

Untuk menyemarakkan lagi semangat membaca Al-Quran di kalangan pelajar dicadangkan agar ditubuhkan kelab Al-Quran di sekolah-

sekolah dan menengah. Kelab ini berperanan mengatur aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Al-Quran seperti mengadakan bimbingan membaca Al-Quran, mengahafaz surah-surah tertentu, menulis ayat-ayat tertentu dengan berbagai khat, menyiaran rakaman membaca Al-Quran di waktu pagi dan waktu rehat, mengadakan pertandingan kuiz Al-Quran, musabaqah tilawatul Al-Quran dan sebagainya yang boleh menimbulkan minat pelajar terhadap Al-Quran.

4.2.6 Media massa

Selain daripada apa yang disebut di atas peranan media elektronik seperti radio dan telivesyen amat penting dalam usaha membantu pelajar mencapai kemahiran Al-Quran.. Kedua-duanya banyak mempengaruhi pelajar khususnya kanak-kanak. Oleh itu dicadangkan kepada pihak yang bertanggungjawab supaya diadakan siaran khas bacaan Al-Quran pada waktu yang sesuai untuk memberi peluang kepada pelajar mendengarnya. Rancangan ini bukan sahaja boleh membantu pelajar tetapi sekaligus berperanan sebagai penghibur yang hakiki pada hati yang duka , dan mengubati jiwa pelajar yang ternoda dan derita. Ini ditegaskan oleh Allah sendiri dalam FirmaNya yang bermaksud : “*Orang yang beriman dan penuh hati mereka dengan mengingati Allah. Tidak kah dengan mengingati Allah itu boleh menenangkan hati,* (Al-Ra'd: 28)

4.2.7 Kesedaran dan motivasi.

Salah satu faktor yang penting dalam pembelajaran ialah motivasi. Ia adalah berkaitan dengan minat dan pembelajaran dan pada tajkat itu adalah menjadi asas kepada pembelajaran (Crow dan

Crowtaj Habibah Elias, 1983: 297 dalam Mohamad Idris 1996). Mereka perlu ditanam dan dipupuk dengan minat membaca Al-Quran sejak dari awal lagi. Ibubapa hendaklah menjadi contoh tauladan dan sumber inspirasi bagi anak-anak dengan selalu membaca Al-Quran di rumah mereka. Sifat kanak-kanak yang suka meniru akan mengikut jejak langkah ibubapa mereka. Ibubapa perlu membimbing anak-anak di samping sentiasa memberi dorongan dan galakan kepada mereka agar menjadi seorang tokoh ulama' dan memimpin masyarakat yang disegani dan dihormati. Perlu ditanam dalam minda kanak-kanak bahawa membaca dan memahami Al-Quran adalah kewajipan utama setiap muslim. Ia menjadi syarat untuk menjadi seorang ulama' dan pemimpin yang berwibawa. Untuk itu didikan rohani perlu diberi perhatian yang bersungguh-sungguh sehingga lahir dalam diri mereka rasa kasih dan cinta kepada Al-Quran. Ketika itu mereka akan lebih banyak berusaha sendiri untuk mendapat kejayaan yang cemerlang. Peghargaan yang sewajarnya perlu diberi kepada kanak-kanak yang tamat dan pandai membaca Al-Quran samada dalam bentuk hadiah atau wang ringgit. Di samping itu pengiktirafan masyarakat terhadap kejayaan mereka perlu supaya mereka merasakan bahawa usaha mereka dihargai dan kebolehan mereka dipandang tinggi.

Selain daripada dorongan yang berbentuk spiritual seperti yang dinyatakan diatas, perlu ada suatu dorongan yang lebih nyata, iaitu dengan cara memasukkan ujian bacaan Al-Quran dalam semua peringkat peperiksaan; samada diperingkat rendah, menengah dan universiti. Dengan cara yang demikian setiap pelajar akan sentiasa bersungguh-

sungguh mempelajari Al-Quran untuk memastikan kejayaan mereka dalam peperiksaan tidak terjejas

4.2.8 Penyelian ibubapa.

Walau sebaik manapun sesuatu sistem diwujudkan dan selengkap manapun rancangan itu disusun tanpa penyelian yang cukup tidak mungkin mencapai sasaran yang ditetapkan.. Kemungkinan akan tinggal rancangan dan masalah terus tidak terhurai. Beberapa pandangan dan cadangan yang dikemukakan di atas dirasakan tidak lengkap tanpa sesuatu yang boleh menjadi pemangkin kepadaanya iaitu penyelia ibubapa. Ibubapa hendaklah mengawasi anak-anak mereka setelah keluar dari bilik darjah. Jangan sekali-kali biarkan mereka menghabiskan masa lapang dengan kegiatan yang tidak berfaedah. Pastikan mereka membaca apa yang dipelajari dan menulis apa yang diajar setiap hari. Supaya pelajaran mereka tidak ketinggalan dan kemahiran Al-Quran mereka terus berkembang.